

Headline	Bantah kelulusan 19 permit kuari baharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	830 cm ²
Journalist	Oleh IZWAN ROZLIN SUNGAI BULOH	AdValue	RM 17,596
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,788



Bantah kelulusan 19 permit kuari baharu

Orang Asli, aktivis desak kerajaan Selangor kaji semula pengoperasian kuari di Hutan Simpan Bukit Lagong

Oleh IZWAN ROZLIN
SUNGAI BULOH



Hanya tinggal sebatang anak sungai yang menjadi kegunaan harian penduduk Orang Asli suku Temuan di kawasan berkenaan.



Salleh memberikan penerangan berkenaan impak terhadap pembukaan 19 kuari baharu yang diluluskan pada sidang akhbar di Dewan Orang Ramai Kampung Orang Asli Hulu Kuang pada Rabu.

Penduduk Kampung Orang Asli Hulu Kuang dan Kampung Orang Asli Bukit Lagong mendesak kerajaan negeri Selangor mengkaji semula keputusan meluluskan 19 kuari baharu untuk beroperasi di kawasan berkenaan.

Difahamkan keputusan yang dibuat pada tahun 2018 dan 2019 itu melibatkan kawasan pengkuarian dengan keluasan 800.50 hektar di Hutan Simpan Bukit Lagong.

Ketua Kampung Orang Asli Hulu Kuang, Hara Busu berkata, pihaknya tidak bersetuju dengan kenyataan Exco Pelancongan Alam Sekitar Negeri, Hee Loy Sian yang menyatakan bahawa operasi kuari di Bukit Lagong tidak akan menjejaskan komuniti Orang Asli di situ.

"Kenyataan oleh Exco itu langsung tidak berasas kerana



HARA

kesannya termasuk banjir kilat dan ancaman kenderaan berat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama aktivis alam sekitar daripada kluster alam sekitar CSO Platform for Reform, B.E.A.CC.H (Biodiversiti, Alam Sekitar, Agroekologi, Perubahan Cuaca dan Habitat)

yang merupakan rakan koalisi Rasuah Busters di Dewan Orang Ramai Kampung Orang Asli Hulu Kuang di sini pada Rabu.

Hara mendakwa, dua daripada tiga anak sungai di kawasan berkenaan sudah keruh akibat daripada operasi kuari sedia ada.

"Cukup-cukuplah mendera kami masyarakat Orang Asli di sini, 30 tahun kami terseksa dengan kuari-kuari sedia ada, sekarang kerajaan negeri nak tambah lagi kuari.

"Di sini ada tiga anak sungai, dua daripadanya sudah keruh, sekarang kami bergantung pada air sungai dari Bukit Lagong.

"Jika air sungai ini kotor kehidupan seharian kami akan susah kerana air sungai digunakan untuk masak, mandi dan membasuh," jelasnya.

Menurutnya, mereka mahu jaminan kerajaan negeri ba-

hutan ini adalah sumber kami mencari rezeki, ini termasuk menggunakan air sungai di sini untuk kehidupan seharian selain sumber hutan seperti buah-buahan menjadi makanan kami setiap hari.

"Jika ia terus diteroka dan dimusnahkan kami di sini akan menerima kesannya termasuk banjir kilat dan ancaman kenderaan berat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama aktivis alam sekitar daripada kluster alam sekitar CSO Platform for Reform, B.E.A.CC.H (Biodiversiti, Alam Sekitar, Agroekologi, Perubahan Cuaca dan Habitat)

yang merupakan rakan koalisi Rasuah Busters di Dewan Orang Ramai Kampung Orang Asli Hulu Kuang di sini pada Rabu.

Hara mendakwa, dua daripada tiga anak sungai di kawasan berkenaan sudah keruh akibat daripada operasi kuari sedia ada.

"Cukup-cukuplah mendera kami masyarakat Orang Asli di sini, 30 tahun kami terseksa dengan kuari-kuari sedia ada, sekarang kerajaan negeri nak tambah lagi kuari.

"Di sini ada tiga anak sungai, dua daripadanya sudah keruh, sekarang kami bergantung pada air sungai dari Bukit Lagong.

"Jika air sungai ini kotor kehidupan seharian kami akan susah kerana air sungai digunakan untuk masak, mandi dan membasuh," jelasnya.

Menurutnya, mereka mahu jaminan kerajaan negeri ba-



Aktiviti enam kawasan kuari (tanda anak panah) yang wujud sejak 30 tahun lalu sudah cukup menjejaskan kehidupan penduduk kampung Orang Asli Hulu Kuang.



Aktivis masyarakat daripada kluster alam sekitar yang hadir pada sidang akhbar.

hawa 19 kuari berkenaan tidak akan menjejaskan ekosistem dan kelangsungan hidup kira-kira 500 penduduk Orang Asli di situ.

"Kita mahu kerajaan negeri bertanggungjawab sekiranya ada masalah yang timbul disebabkan pembukaan 19 kuari baharu ini nanti, jangan lepas tangan kalau ada malapetaka berlaku," ujarnya.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Tan Sri Dr Salleh Mohd Noor mencadangkan agar diadakan satu pertemuan dengan penduduk Orang Asli serta kampung-kampung lain berhampiran bagi menjelaskan apa yang mereka mahu lakukan di hutan tersebut.

"Saya nak tanya dengan kerajaan negeri, boleh atau tidak kita masuk tempat orang dan

buat sesuka hati, kalau kita di tempat Orang Asli ini adakah kita suka?"

"Kerajaan negeri wujudkan moratorium pembalakan, tapi hutan yang telah diwartakan sebagai hutan simpan, boleh pula diteroka untuk dijadikan kuari, ada sesuatu yang tidak kena," katanya.

Tambahnya, aktivis dan penduduk telah membawa isu berkenaan kepada penyandang Ahli Parlimen Selayang, William Leong kerana kesan per lombongan kuari ini akibatnya lebih buruk dari pembalakan.

"Kita mahu kerajaan negeri ikut apa yang disyorkan oleh ahli Parlimen berkenaan, sepatutnya tidak ada permit melombong kuari diluluskan selepas enam kawasan lagi perमितnya akan tamat pada tahun hadapan," jelasnya.